

## WAKAF HAK CIPTA DALAM USAHA MEMBUDAYA PENDIDIKAN

### The Copyright An Instrument For Awqaf In Effort Of Educational Culture

**Siti Syarwani Ghazali**

[sitisyarwani@kpbkl.edu.my](mailto:sitisyarwani@kpbkl.edu.my)

Sekolah Pengajian Kontemporari Islam Al-Farabi  
Kolej Profesional Baitulmal

#### ABSTRAK

Kehidupan era kontemporari kini mendorong ramai dalam kalangan masyarakat mengekspresikan kemahiran menerusi pelbagai karya dengan tujuan mengisi masa, berkongsi maklumat atau menyelesaikan tugas kursus program IPTA/IPTS. Malah terdapat juga mereka yang berkarya bagi tujuan menjana pendapatan. Walaubagaimanapun, hasil-hasil karya ini boleh memberi manfaat yang berpotensi membudaya pendidikan sekiranya di buka ruang dan didorong ke arah positif. Justeru, artikel ini bertujuan membahaskan wakaf menerusi instrumen hak cipta dalam usaha membudaya pendidikan di Malaysia. Artikel ini menggupakai rekabentuk kajian kualitatif secara deskriptif dan pengumpulan data dibuat menerusi analisis dokumen. Hasil kajian mendapati kepelbagaian bentuk hak cipta dapat berperanan dalam memartabatkan pendidikan. Seterusnya ruang berwakaf dapat diluaskan kepada golongan pengkarya melalui kepakaran yang mereka miliki dan dengan ini amalan berwakaf dapat disebarluaskan.

**Kata Kunci:** wakaf, hak cipta, budaya pendidikan.

#### ABSTRACT.

*Living in modern technology influence the citizens nowadays to express the skill in many forms such in making short documentary, writing book, software and etc, which acts as a hobbies or to share information. Furthermore, this medium has been a platform to generate incomes. These activities has the potential to spread the educational culture among citizens. This articles objective is to discuss waqf thru all the medium mentioned in order to influence the culture of education in Malaysia. The method of this article are using qualitative experiment and analyzing data. The output of the experiment found out that the variety of copyright has the ability to increase the culture of education. In conclusion, these medium are able to enlarge the waqf activities by using the expert skills.*

**Keywords:** skill, educational culture, copyright.

## Pendahuluan

Islam menganjurkan umatnya supaya sentiasa berlumba-lumba dalam melakukan kebajikan. Kebajikan di sini termasuklah amalan berwakaf yang menjanjikan ganjaran yang berlipat ganda dan berterusan walaupun selepas kematian pewakaf. Sebagaimana hadis riwayat Abu Hurairah r.a., sabda Nabi s.a.w yang bermaksud:

*“Apabila matinya seseorang itu, maka terputuslah segala amalannya kecuali daripada tiga perkara; sedekah jariah, atau ilmu yang boleh dimanfaatkan, atau anak soleh yang mendoakannya”<sup>1</sup>.*

Secara tradisinya amalan berwakaf ini telah diajar dan ditonjolkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan sahabat melalui harta benda yang mereka miliki. Amalan berwakaf ini berterusan sehinggalah ianya di amalkan di Malaysia yang pada awalnya dipraktis dengan ruang lingkup yang terbatas. Walaubagaimanapun kini, wakaf telah mendapat perhatian yang meluas dalam pelbagai sektor dan disiplin ilmu seperti perubatan, perhotelan dan juga pendidikan. Malah wakaf yang menjadi salah satu sumber kekuatan ekonomi umat Islam semakin rancak dibangun dan dikembangkan tidak lain tidak bukan agar manfaat daripadanya dapat diperluas dan dinikmati secara bersama.

Sungguhpun begitu, jalan ketaqwaan kepada Allah s.w.t. tidaklah hanya sebatas amalan klasik dalam berwakaf sebagaimana yang dipraktik sekian lama iaitu wakaf harta tidak alih, malah telah melangkaui kepada pelbagai sumber kurniaan Allah yang setiap satunya mempunyai manfaat yang dapat diambil. Hal ini termasuklah segala hasil ciptaan manusia kesan kreativiti dari kepakaran yang dimiliki. Kini, seiring dengan perkembangan teknologi dan zaman, telah lahir ramai individu atau kumpulan organisasi (syarikat) yang memiliki hak cipta yang bernilai dan bermanfaat sebagai aset sendiri. Seterusnya hak ke atas hak cipta ini memungkinkan pemiliknya memperoleh hasil kewangan yang menguntungkan. Namun, keuntungan yang ingin dicapai dalam Islam ialah keuntungan dan kejayaan dunia akhirat (*al-falah*). Manakala kejayaan umat turut dibantu oleh corak pendidikan Islam yang menyeluruh yang disuntik ke dalam jiwa masyarakat.

Satu kriteria yang dipakai Pearson untuk menentukan tingkat keberhasilan pendidikan di suatu negara adalah sejauh mana pendidikan membudaya dalam masyarakat negeri

---

<sup>1</sup> Al-Muslim, Sahih Muslim, Kitab al-Wasiyyah, Bab Ma yulhaq min al-thawab ba'd al-wafatih al-insan no. 3084: 1255.

itu. Maksudnya, sejauh mana masyarakat menganggap pendidikan itu penting, mengambil peduli, merasa bertanggungjawab dan mahu berperanan di dalamnya (Darwis A. Soelaiman 2012). Justeru, artikel ini akan membincangkan konsep berkaitan wakaf hak cipta dan seterusnya peranannya dalam membudaya pendidikan masa kini.

### **Konsep Hak Cipta**

Hak Cipta merujuk kepada hak penguasaan yang dilindungi undang-undang ke atas seluruh atau sebahagian daripada hasil ciptaan. Hak Cipta adalah sesuatu yang direka cipta sama ada ia dalam bentuk *'ayn* atau maknawi dan sama ada ia untuk tujuan baik atau buruk. Hak Cipta adalah hak eksklusif yang diberikan oleh undang-undang kepada pencipta karya untuk mengawal penggunaan karya mereka. Sesuatu karya adalah dilindungi secara automatik dan berhak mendapat perlindungan. Antaranya seperti karya sastera, karya muzik, karya seni, filem, rakam bunyi, siaran dan karya terbitan. Hak cipta memberi penulis hak untuk mendapatkan wang hasil keuntungan yang diperoleh daripada penulisan dan karyanya (Zaharuddin 2009). Hak Cipta merujuk kepada hak penguasaan yang dilindungi undang-undang ke atas seluruh atau sebahagian daripada hasil ciptaan. Perlindungan hak cipta di Malaysia adalah berasaskan kepada Akta Hak cipta 1987.

Dalam perbahasan oleh fuqaha dan sarjana Islam, al-Zarqa' (1999) membahagikan asas berkaitan dengan hak kepada dua iaitu hak bersifat harta dan hak tidak bersifat harta. Seterusnya al-'Amudi (2011) mengguna pakai istilah *al-huquq al-fiqriyyah* bagi menerangkan berkenaan hak sastera (*huquq al-adabiyah*), hak terjemah, hak reka cipta inovasi dan tanda dagang. Abd al-Razak al-Sanhuri menyatakan bahawa aktiviti bersumberkan pemikiran ini berkait dengan hak pengkarya, hak persuratan, hak reka cipta dan penjenamaan perniagaan yang melibatkan pemilikan kepada pengkarya atau pereka cipta ('Abd al-Mu'ti 2009). Menurut al-Zarqa' (1999), penggunaan istilah *haq al-ibtikar* adalah lebih tepat bagi menggambarkan semua di atas berbanding *huquq al-adabiyah* (hak kesusasteraan) yang bersifat terhad. Manakala dalam Islam, karya-karya hak cipta atau suatu reka cipta inovasi yang memenuhi ketetapan syarak adalah diharuskan dan hasil daripadanya boleh dijadikan sumber pendapatan (Nor Liza 1999).

### **Hak-Hak Ke Atas Hak Cipta**

Hak yang terkandung dalam hak cipta adalah hak ekonomi dan hak moral. Hak ekonomi ialah sekumpulan bidang kuasa yang disabitkan oleh syarak kepada pemilik hak cipta yang berkaitan dengan kebendaan (seperti kewangan), dan yang memenuhi kepentingan pemilik serta dikuatkuasakan. Tempoh pemilikan hak ekonomi adalah terhad iaitu ia boleh ditamatkan (Arieff Salleh Rosman 2002) dengan cara pindah milik, jual beli, hadiah, wasiat, pewarisan, sewaan dan sebagainya (Nisah haron 2008) melalui kuat kuasa undang-undang. Hak cipta seperti kerja penulisan, muzik, lakaran, reka cipta, reka bentuk, program komputer, pangkalan data dan sebagainya merupakan harta yang boleh memberi ganjaran kepada pemunya kerana diberi hak pemilikan untuk mengeksploitasi ciptaan mereka. Oleh yang demikian, setiap idea kreatif, hasil inovatif, kesusasteraan, kesenian dan ciptaan mempunyai nilai harta dalam kalangan manusia secara *'urf* dan *al-maslahah almursalah* (al-Zuhayli 2000; Zaharuddin 2009).

Manakala hak moral diistilahkan sebagai bidang kuasa moral yang mewajibkan karangan seseorang ilmuan dinisbahkan ke atasnya dan menghormati apa yang ditulis dan menjaga haknya ketika melakukan sebarang perubahan. Penjagaan hak moral untuk pencipta adalah kekal menurut fiqh Islam namun dalam undang-undang ciptaan ia boleh ditamatkan. Hak moral menurut Arieff Salleh Rosman (2002) telah lama wujud dalam ilmu *isnad* dan ia diperundangkan berdasarkan ijmak. Menurutnya, ulama silam telah menyentuh isu ini iaitu menerusi karangan Imam al-Suyuti (849-911H) dalam *al-fariq bayn al-musannif wa al-sariq* yang membincangkan salah satu hak yang dikawal dalam undang-undang hak cipta adalah hak moral seorang penulis. Justeru dua-dua hak ini menjadi pemilikan kepada pengkarya dan memungkinkan pemiliknya menggunakannya (*tasarruf bi al-mal*) untuk apa jua transaksi yang diiktiraf syarak termasuk urusan wakaf.

### **Wakaf Hak Cipta Menurut Hukum Syarak**

Monzer Qahf (1998 & 2006), salah seorang ulama kontemporari mentakrifkan wakaf menurut syarak sebagai menahan harta baik selamanya mahupun sementara agar manfaat daripada harta tersebut atau hasilnya dapat diambil secara berulang untuk keperluan kebajikan sama ada bersifat umum atau khusus. Beliau melihat aspek perundangan dan persekitaran ekonomi masyarakat dapat disesuaikan dengan wakaf dalam konteks semasa. Perbincangan ulama berkenaan wakaf tidak tertumpu pada harta tidak alih (*'aqar*) dan harta alih (*manqul*) sahaja. Ini kerana, terdapat hak-hak dan manfaat pada kedua-dua bentuk harta *'aqar* dan *manqul*. Walau bagaimanapun, hak-

hak dan manfaat kurang diketengahkan sebagai satu bentuk harta yang boleh diwakafkan. Sedangkan kini terdapat urus niaga yang melibatkan hak-hak dan manfaat. Berdasarkan kepada sejarah wakaf, dapat dikenal pasti berlaku perwakafan daripada manfaat hamba sahaya ketika zaman pemerintahan Mamluk Sulaiman Basya, iaitu penguasa dinasti Uthman ketika menakluk Mesir telah mewakafkan hamba sahaya untuk tujuan memelihara masjid dan madrasah (Anon 2007). Maka, manfaat pada hamba (*ummu walad*) ketika hidupnya juga pernah diwakafkan untuk tujuan kebajikan.

Menurut Abu Zahrah (1959) pula, wakaf hak-hak dan manfaat tidak dibahaskan secara tunggal. Sebaliknya, ulama fiqh membahaskan berkaitan hak-hak yang boleh diwakafkan sekiranya ia melekat pada *'ayn* dan *'ayn* tersebut diterima sebagai wakaf. Manakala hak-hak yang tidak disandarkan pada apa-apa bahan (*mujarrad*), tidak boleh diwakafkan. Misalnya hak penyewa pada manfaat sewaan. Ini kerana, hak-hak tersebut adalah hak individu (*shakhsiyah*) dan tidak disandarkan pada bahan (*al-a'yan*) melainkan hanya tanggungan. Menurut beliau juga, hak-hak penggunaan yang terdapat pada *'ayn* seperti saluran air boleh diwakafkan menurut asas *qawaid* pada keharusan wakaf *'aqar* selama mana ditentukan. Oleh yang demikian, hak-hak tidak boleh diwakafkan dengan sifat haknya semata, tetapi perlu berhubungkait dengan harta alih. Sekiranya harta alih tersebut boleh diwakafkan, maka binaan dan tanaman di atasnya harus diwakafkan.

Berdasarkan kaedah fiqh pula “harta-harta alih yang boleh dijual beli, yang boleh diwariskan, serta yang diamanahkan pemilikan, maka diamanahkan juga ke atasnya dengan apa yang thabit daripada hak-hak, dan setiap apa yang boleh dijual beli boleh diwakafkan”. Maka hak-hak yang thabit dengan sebab harta alih, thabitlah juga wakaf padanya. Namun sebaliknya, Imam Malik berpandangan harus mewakafkan manfaat rumah yang disewa dalam tempoh sewaan (al-Dusuqi t.th). Ulama mazhab Maliki mengiktiraf hak dan manfaat atau hak maknawi ini sebagai harta dan tidak menyalahi maksud wakaf (Abu Zahrah 1959; al-Dusuqi t.th & Munzir Qahf 2000). Al-Shahrani (2004) dalam kajiannya menyatakan, terdapat pandangan bahawa penulisan dan pendidikan adalah termasuk dalam sedekah jariah (wakaf). Ini sebagaimana pandangan ulama berdasarkan hadis sahih muslim berkenaan amalan yang tidak terputus walaupun selepas kematian. Sebaliknya, tidak terdapat larangan mewakafkan hak-hak harta daripada ciptaan dan karya penulisan. Manakala hasil pendapatan (hak ekonomi) daripada hak cipta juga boleh dilaburkan pada urusan kebajikan kerana masalah dan apa yang tidak bertentangan dengan niat pewakaf (Abd al-Qadir 2009). Menurut Munzir Qahf (2000), hak eksploitasi pemilikan maknawi (hak penulisan,

hak reka cipta, hak nama perniagaan) ini merupakan gambaran baru dalam perwakafan hak.

### **Membudaya Pendidikan Menerusi Instumen Hak Cipta**

Pendidikan merupakan teras kepada pembangunan masyarakat. Melihat kepada corak pendidikan kini, telah wujud pembelajaran interaktif sesuai dengan keperluan semasa dan perkembangan teknologi baik di peringkat rendah mahupun tinggi. Ini kerana perkembangan pendidikan adalah mengikuti pola kehidupan masyarakat dan sistem kebudayaan yang melatarbelakanginya. Justeru, selaras dengan penerapan tiga budaya oleh Kementerian Pendidikan iaitu kebahagiaan, kasih sayang dan hormat-menghormati di sekolah dan universiti (Tharanya Arumugam 2018), amalan membudaya pendidikan boleh dicapai dengan kebersamaan pelbagai pihak yang mempunyai kepakaran dan kemahiran tersendiri yang dapat disumbangkan untuk pembangunan umat Islam. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud<sup>2</sup>:

*“Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya”.*

Kaedah pembelajaran moden telah banyak mempraktikkan penggunaan teknologi sebagai medium penyampaian yang bertujuan mendorong keseronokan dalam pembelajaran dan memudahkan proses penyelidikan dijalankan. Kaedah *e-learning* antaranya menjadikan kegiatan belajar tidak lagi hanya tertumpu di dalam kelas. Bahkan kini dengan kemajuan teknologi, segala informasi boleh diperoleh daripada buku elektronik (*e-book*) yang boleh didapati melalui laman sesawang tanpa batasan masa dan tempat. Mutakhir ini muncul konsep *digital library*. Perisian *digital library* merupakan pengganti pengelolaan perpustakaan yang manual. Konsep *e-book* (buku elektronik) telah membuka pintu bagi sesebuah perpustakaan melakukan transformasi dari perpustakaan manual kepada perpustakaan digital.

Salah satu contoh yang menjadi pusat pencarian maklumat dan bahan daripada pelbagai cabang ilmu dalam kalangan sarjana adalah *al-Maktabah al-Syamilah* (perpustakaan yang lengkap). Projek wakaf *al-Maktabah al-Syamilah* yang dilaksanakan oleh beberapa pihak seperti *al-Maktab al-dakwat bi al-Raudah* dengan kerjasama *Jawal al-Khayr*, telah menghimpunkan penulisan karyawan klasik dan kontemporari untuk kegunaan penuntut ilmu melalui perisian 85 operasi (*operating software*), app store (*application storage*), dan play store (*play storage*) (al-Maktabat al-Shamela 2013). Ribuan koleksi

---

<sup>2</sup> Surah al-Maidah, 5: 48.

kitab terkumpul dalam satu perisian (*software*) yang praktis, kos rendah, dan berinformasi dalam setiap kitab yang sangat mudah diakses. Manakala jumlah semua kitab dari semua bidang yang terangkum dalam *al-Maktabah al-Syamilah al-Isdar al-Tsani* adalah 6688 kitab (Nur Aris 2015). Maka, dari sudut manfaat pendidikan, manfaat ilmu wakaf dapat disampaikan kepada masyarakat seantero dunia. Tidak dapat digambarkan berapa banyak manfaat telah disumbangkan oleh pencipta perisian (*software*) ini selama mana digunakan oleh masyarakat, malahan karya penulisan ulama-ulama klasik yang dirujuk terus menjadi saham akhirat buat mereka. Firman Allah s.w.t yang bermaksud<sup>3</sup>:

*“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.*

Sebagaimana konsep wakaf yang diperluaskan oleh Munzir Qahf dalam penjelasan tafsiran wakaf sebelum ini, maka amat banyak kaedah yang boleh dilakukan bagi tujuan menghidupkan amalan berwakaf dalam pelbagai peringkat golongan dan kelompok masyarakat. Justeru, kumpulan pengkarya dan tenaga-tenaga pakar dalam penciptaan perisian dan sistem ini khususnya yang dapat membantu pelajar dan masyarakat menguasai pembelajaran harus diberi pendedahan. Penyebaran galakan berwakaf ini juga boleh dibuat melalui penerbitan dan penyiaran iklan grafik, visual, penulisan atau mana-mana bentuk lain daripada hak cipta. Penyerahan hak ke atas pemilikan hasil karya membebaskan pemilik daripada menerima sebarang royalti daripadanya dan tidak boleh menerima apa-apa bayaran daripada majikan atau benefisiari. Sekiranya kos yang wujud bagi tujuan penghasilan karya ia adalah di bawah tanggungan pemilik asal melainkan pemilik asal hanya ingin mewakafkan kepakaran sahaja.

Melalui hak cipta yang boleh memberi hasil pendapatan yang baik kepada pemiliknya, maka kaedah lain yang boleh digunakan dalam berwakaf adalah galakan berwakaf secara tunai daripada royalti yang diterima. Pemilik hak cipta boleh mewakafkan nilai bagi setiap hasil karya miliknya. Sebagai contoh, pengguna media yang kreatif menggunakan ruang yang ada bagi tujuan menjana pendapatan menerusi *youtube*, mereka akan beroleh pembayaran daripadanya bagi tontotan (*view*) dan tanda suka (*like*) orang awam ke atas terbitan mereka yang memenuhi syarat *youtube*.

---

<sup>3</sup> Surah ali-Imran 3: 92.

Maka, hasrat pemilik asal untuk mewakafkan hasilnya boleh dinyatakan dalam kontrak bahawa hasil setiap tontotan atau *like* pengguna media akan disalurkan kepada mana-mana penerima yang diniatkan oleh pewakaf selaku pemilik asal.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) antaranya, telah menganjurkan SC-UiTM Contemporary Art Show yang mempamerkan 22 hasil karya artis (pelukis) tempatan. Manakala, sebahagian daripada hasil jualan karya seni tersebut disumbangkan untuk tabung Mengubah Destinasi Anak Bangsa (MDAB). Tabung MDAB tersebut bertujuan membantu pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang kurang berkemampuan melanjutkan pelajaran di UiTM (Anon. t.th.). Ini menunjukkan wujudnya hasrat dan keinginan untuk membantu memenuhi keperluan dan kebajikan masyarakat dalam kalangan penggiat seni (UiTM). Dengan penglibatan daripada pemilik hak cipta yang turut terdiri daripada karyawan-karyawan sebagai pewakaf, akan menambahkan lagi sasaran golongan dalam membudayakan amalan berwakaf, serta memberi pencerahan kepada masyarakat tentang amalan ini agar lebih dikenali seterusnya membudayakan pendidikan dalam diri setiap insan.

Al-Zarqa' (1998) berpandangan, kebanyakan ulama dalam sejarah Islam adalah lahir daripada wakaf ilmu. Sedangkan penyebaran ilmu dalam kalangan masyarakat boleh menggalakkan penyebaran tentang wakaf dan seterusnya akan muncul banyak wakaf dalam bentuk yang baru (Munzir Qahf 2000). Sebagaimana firman Allah s.w.t. yang bermaksud<sup>4</sup>:

*“Berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya dan belanjakanlah (pada jalan kebajikan) sebahagian dari harta benda (pemberian Allah) yang dijadikannya kamu menguasainya sebagai wakil. Maka orang-orang yang beriman di antara kamu serta mereka membelanjakan (sebahagian dari harta itu pada jalan Allah); mereka tetap beroleh pahala yang besar”.*

Justeru, hasil kekayaan dan manfaat daripada hak cipta yang memberi hasil ekonomi seharusnya dapat yang memberi manfaat berupa ilmu dan bayaran royalti secara berterusan adalah bertepatan dengan amalan yang sering dikaitkan dengan ganjaran pahala yang berterusan ini.

---

<sup>4</sup> Surah al-Hadid 57:7



## Kesimpulan

Kemunculan ramai pengkarya, pereka cipta dan pihak-pihak yang terlibat dengan industri kreatif ini dapat membudayakan pendidikan dan amalan berwakaf dalam kalangan masyarakat. Golongan intelektual juga boleh berperanan sebagai suara yang menyampaikan maklumat dan mempromosikan wakaf. Justeru, perkara ini perlu dipandang dari sudut rasional dan tidak terlalu rigid pada sesuatu yang tidak ada dalil yang menegahnya. Justeru, perbezaan pandangan dalam kalangan ulama pada sesuatu perkara adalah satu rahmat kepada umat Islam di mana boleh berlaku ijtihad dari pandangan mazhab lain mengikut peredaran zaman dan kesesuaian setempat. Wakaf, seharusnya menjadi satu instrumen penting dalam mengembangkan harta kekayaan umat Islam dan ini perlu dimanfaatkan oleh umat Islam sendiri agar lebih banyak manfaat harta dapat disalurkan kepada masyarakat Islam.

Justeru itu, sekalipun di Malaysia mengguna pakai pandangan mazhab Shafi'i yang diiktiraf sebagai pegangan dalam amalan semasa masyarakat, secara asasnya boleh menerima pandangan daripada mazhab lain untuk digunakan dalam sesuatu masalah demi kemaslahatan umum iaitu membolehkan manfaat ilmu dapat disalurkan kepada masyarakat dan harta wakaf dapat dikembangkan untuk umat Islam. Zaman teknologi yang berevolusi dengan pantas sentiasa relevan dengan agama Islam kerana Islam agama yang syumul dan fleksibel pada perkara-perkara selain akidah. Sekiranya teknologi dan idea kreatif dapat dimanfaatkan sebaiknya, maka ia memungkinkan berlaku seberapa banyak salinan karya-karya ilmiah pada bahan fizikal seperti buku, majalah mahupun cakera. Malah manfaat daripadanya dapat disalurkan dengan lebih mudah dan disampaikan kepada orang ramai tanpa batasan tempat. Maka, sekiranya kita hanya menumpukan kepada perwakafan sebagaimana yang dilakukan dahulu, hal ini seolah-olah membataskan masyarakat mengambil manfaat ilmiah daripada bahan-bahan yang diwakafkan sedangkan manfaat yang diperoleh adalah sama.

## RUJUKAN

- al-Quran dan terjemahan Tafsir Pimpinan al-Rahman  
Abd al-Mu'ti, Amal Yasin. 2009. *Muhadarat fi Qadaya Fiqhiyyah Muasarah*. al-Qaherah: Universiti al-Azhar.  
Abd al-Qadir, 'Adil Wali Qutah. 2009. *Waqf al-Asham wa al-Sukuk wa al-Manafi' wa al-Huquq al-Ma'nawiyah al-Ta'sil- al-Tadbiq-al-Ahkam*. Jeddah: Jami'ah al-Malik Abd al-Aziz.  
Abu Zahrah, Muhammad. 1959. *Muhadarat fi al-Waqf*. t.tp.: Jami'ah al-Dawl al-'Arabi.

- al-'Amudi, Sa'id Muhammad. 2011/1432H. *Al-Huquq al-Fikriyyah fi Sutur. Jami'ah 'Umm al-Qura*. <https://uqu.edu.sa/lib/ar/185491>[7 Julai 2015].
- al-Dusuqi, Shams al-Din Muhammad. t.th. *Hasyiah al-Dusuqi 'ala Sharh al-Kabir*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Anon. 2007. Sejarah dan Perkembangan Wakaf.<http://bwi.or.id/index.php/in/sejarah-a-perkembangan-wakaf-tentang-wakaf-118.html>.
- Anon. t.th. Sc UiTM promosi artis kontemporari tempatan. <http://www.uitm.edu.my/index.php/ms/berita-semasa/249-sc-uitm-promosi-artis-kontemporari-tempatan>. [7 Ogos 2015].
- Arieff Salleh Rosman. 2002. Harta Intelektual Menurut Fiqh Islam: Pendekatan Perbandingan dengan Undang-undang Malaysia. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Darwis A. Soelaiman. 2012. Pendidikan Kita Belum Membudaya dalam Serambinews.com.
- Monzer Qahf. 1998. Financing the Development of Awqaf Property. *Seminar on Development of Awqaf Organized by IRTI*. Kuala Lumpur.
- Monzer Qahf. 2006. *Al-Waqf al-Islami Tatawwurihi, 'Idaratihi, Tanmiyatih*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Nisah haron. 2008. *Karya Kita Hak Kita*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd.
- Nur Aris. 2015. Digital Library: Mengenal Al-Maktabah Al-Syamillah. Vol. 3 No. 2. Indonesia: STAIN Kudus.
- al-Shahrani, Husyan Ma'lawi. 2004. *Hukuk al-Ihtira' wa al-Ta'lif fi al-Fiqh al-Islami*. Riyad: Dar Taybat li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Tharanya Arumugam. 2018. Tiga Budaya diPopularkan di Sekolah, di Universiti. Berita Harian Online. 3 Jun 2018.
- Zaharuddin Abdul Rahman. 2009. *Maqasid al-Shariah fi Ahkam al-Buyu'*. Selangor: International Islamic University Malaysia (IIUM Press).
- al-Zarqa', Mustafa Ahmad. 1998. *Ahkam al-Awqaf*. Oman: Dar al-'Umar.
- al-Zarqa', Mustafa Ahmad. 1999. *Al-Madkhal ila Nazariyyah al-Iltizam al-'Ammah fi al-Fiqh al-Islami*. Dimashq: Dar al-Qalam
- al-Zuhayli, Wahbah. 2002. *Al-Muamalat al-Maliyah al-Muasarah Buhuth wa Fatawa wa Hulul*. Dimashq: Dar al-Fikr.